

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : NATION

NST M6/6 NATION 1/1/2025 (RABU)
 ON-CALL STAFF SHORTAGE

Kiulu clinic gets an extra assistant MO

KUALA LUMPUR: Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad has criticised the lack of on-call healthcare staff at the Kiulu Health Clinic in Sabah.

This issue was highlighted on social media recently.

Dzulkefly said the situation should not have happened.

“A heartfelt thank you for bringing this issue to my attention.

“This should not have happened. The assigned officers failed to perform their duties for public welfare,” he said in a post on X.

A social media post that went viral recently showed a notice

board at the clinic stating that there were no on-call staff due to workforce shortages and contract terminations.

It indicated that there would be no on-call staff from Dec 23 to 29.

Dzulkefly said the issue would not affect the clinic’s daily operation as other staff, including medical officers, assistant medical officers, nurses and drivers, would be on duty in that period.

He said an additional assistant

medical officer had been sent to the clinic to ensure the on-call schedule would be unaffected.

On-call staff are supported by emergency services, which can be reached via the Malaysian Emergency Response Services 999 (MERS999).

“The ministry’s services, including emergency services via MERS999, are always available for those in need,” Dr



Datuk Seri Dr
Dzulkefly Ahmad

Dzulkefly said.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

BERITA HARIAN MSTAR NASIONAL 1/1/2025 (RABU)

'Isu ketiadaan petugas di Klinik Kesihatan Kiulu tak wajar berlaku'

Dr Dzulkefly mahu kakitangan jalankan amanah seperti diarah

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, menyifatkan isu ketiadaan petugas kesihatan atas panggilan

(on-call) di Klinik Kesihatan Kiulu, Sabah seperti yang tular di media sosial, tidak wajar berlaku.

Beliau menegaskan, pegawai yang bertugas perlu menjalankan amanah seperti diarahkan demi kemaslahatan awam.

"Ribuan terima kasih kerana membawa isu ini ke pengetahuan saya.

"Perkara ini tidak wajar berlaku, di mana pegawai yang ditugaskan tidak menjalankan tugas seperti yang diarah demi kemaslahatan awam," katanya menerusi ciapan di X.

Kelmarin, tular di platform media sosial sama, memaparkan papan makluman petugas atas panggilan di klinik kesihatan berkenaan yang memaklumkan tiada petugas kerana kekurangan staf, ditamatkan kontrak.

Tak jejas operasi harian

Pada papan makluman itu tertera tempoh ketiadaan petugas dari 23 hingga 29 Disember lalu.


Bagaimanapun, Dr Dzulkefly berkata, perkara itu tidak menjejaskan operasi atas panggilan atau operasi harian kerana pegawai perubatan (MO), jurura-

wat, penolong pegawai perubatan (PPP) dan pemandu ada bertugas sepanjang tempoh berkenaan.

"Bagi mengatasi isu terbabit, seorang PPP tambahan dimobilisasi untuk memastikan jadual atas panggilan di klinik masih dapat digerakkan dan tidak terjejas.

"Pada masa yang sama, staf yang bertugas atas panggilan (MO, jururawat dan pemandu) turut disokong oleh perkhidmatan kecemasan yang sentiasa boleh diakses melalui MERS999," katanya.

Katanya, perkhidmatan KKM, termasuk kecemasan melalui MERS999, sentiasa disediakan untuk mereka yang memerlukan.



Dr Dzulkefly Ahmad

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEGARA

Kosmo m/s 8 NEGARA 1/1/2025 (RABU)

Tindakan tatatertib ke atas pegawai awam burukkan kerajaan

PETALING JAYA – Semua pegawai awam perlu berkelakuan baik dan menghindari daripada membuat pernyataan awam yang boleh memberikan implikasi kepada nama baik perkhidmatan awam dan kerajaan.
Kementerian Kesihatan (KKM)

menerusi satu kenyataan di media sosial berkata, pegawai awam juga tidak boleh bertindak atau terlibat menyebarkan berita palsu, membuat tohmahan atau fitnah melibatkan pegawai awam lain.

"Ini jelas diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan

Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993," kata KKM dalam kenyataan semalam.

Terdahulu, KKM dalam hantaran berasingan turut memetik peringatan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar berhubung perkara itu mela-

lui Mesyuarat Pengurusan Jabatan Perdana Menteri Tahun 2024.

Menurut KKM, Ketua Setiausaha Negara mengingatkan semua pegawai awam tidak mengeluarkan sebarang kenyataan awam kecuali yang diberikan kuasa atau mandat untuk ber-

buat demikian bagi pihak kementerian atau jabatan.

"Sekiranya terdapat kesalahan atau pelanggaran terhadap peraturan yang sedang berkuat kuasa, tindakan tatatertib boleh dikenakan kepada pegawai awam terlibat," kata KKM.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NEGARA

KOSMO M/s 18 NEGARA 11/1/2025 (RABU)



ORANG ramai perlu memastikan kawasan dalam dan luar kediaman bersih dan tiada tempat pembiakan nyamuk aedes – GAMBAR HIASAN

RM3.32 juta kompaun, 6,642 kes denggi

JOHOR BAHRU – Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) telah mengeluarkan sebanyak 6,642 kompaun melibatkan kesalahannya berkaitan denggi dengan nilai RM3.32 juta, tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, Ling Tian Soon berkata, daripada jumlah berkenaan, hanya 65 peratus kompaun telah dibayar.

“Sehingga Minggu Epid 52/2024, sebanyak 20 kes kematian telah dilaporkan, penguurangan 9.1 peratus berbanding sebanyak 22 kematian dilaporkan sepanjang tempoh sama, tahun lalu.

“Bagi Minggu Epid sama, 13 lokaliti wabak baharu dilapor-

kan melibatkan 10 di daerah Johor Bahru, dua di Kulai serta satu di Kluang.

“Sehingga kini lokasi wabak terkumpul di Johor adalah 1,682 kawasan berbanding 1,378 kawasan dalam tempoh sama tahun lalu, meningkat 22.1 peratus,” katanya.

Tian Soon berkata, aktiviti pemusnahan tempat pembiakan perlu terus dibuat di dalam dan luar rumah.

“Penemuan tempat pembiakan serta tempat berisiko pembiakan khususnya dalam rumah menunjukkan masyarakat belum peka kepada keperluan pemusnahan tempat berisiko pembiakan nyamuk Aedes,” jelasnya.